

3 KEMAHIRAN SOSIAL PENENTU KEJAYAAN

Oleh: Nurul Afifah binti Othaman, 1171770,
Fakulti Kepimpinan dan Pengurusan, Universiti Sains Islam Malaysia
Disiarkan pada 30 July 2020



Kemahiran sosial merupakan suatu elemen yang penting bagi seseorang yang sedang bekerja dan mencari pekerjaan kerana mereka akan memperuntukkan masa yang banyak untuk berinteraksi dengan orang lain. Namun, mungkin ramai yang tidak mempunyai kemahiran sosial dalam diri mereka.

Seorang usahawan, peneroka pasaran dan pencipta kandungan, Norizan Sharif berkata, bahawa apabila seseorang individu mempunyai tiga kemahiran sosial ini, mereka akan lebih mudah menerima kenaikan pangkat dalam kerjaya.

Yang pertama, hubungan perorangan dan sesama manusia iaitu kemahiran berkomunikasi. Menurut Yayasan Carnegie, 85 peratus kejayaan seseorang dalam kerjaya bisnes dipengaruhi oleh kemahiran hubungan perorangan dan sesama manusia.

Apabila mereka menguasai kemahiran ini, akan menjadi mudah untuk berkolaborasi dengan sesiapa sahaja dan mampu menguruskan manusia yang mempunyai pelbagai minat dan kepentingan.

Penguasaan yang baik dalam kemahiran ini menjadikan seseorang itu lebih menyerlah berbanding rakan sekerja yang lain dan meningkatkan peluang yang ada dalam kenaikan pangkat.

Seterusnya adalah komunikasi persuasif. Suatu kajian krisis keyakinan di tempat kerja yang dijalankan oleh Stuart Gentle menunjukkan bahawa 32 peratus pekerja takut untuk mengemukakan idea sendiri, dan lebih separuh tidak mempunyai keyakinan untuk bercakap di depan orang ramai.

Individu yang boleh bersosial dengan persekitaran mempunyai kelebihan untuk berada di barisan hadapan sesebuah organisasi apabila melibatkan pertemuan antara pelanggan.



Kemahiran sosial yang ketiga adalah pengurusan konflik. Aspek pengurusan konflik adalah satu kemahiran yang perlu dititikberatkan bagi menjamin kesejahteraan persekitaran di dalam atau di luar tempat kerja.

Konflik terbahagi kepada dua iaitu konflik kerja dan konflik emosi. Secara ringkasnya konflik kerja merupakan perselisihan faham apabila melakukan sesuatu tugas dan konflik emosi pula wujudnya perasaan negatif atau perasaan tidak dihargai oleh orang lain.

Apabila menghadapi konflik, seseorang itu perlu menanganinya dengan cepat dan tidak membiarkannya berlarutan kerana ia akan mengakibatkan gangguan dalam proses kerjasama antara pekerja serta mewujudkan suasana kerja yang tidak harmoni.

Apabila berada dalam sesebuah organisasi, kerjasama dalam satu pasukan adalah sangat penting bagi mencapai matlamat yang ditetapkan.

Kelebihan yang dimiliki dari segi kemahiran menguruskan konflik di tempat kerja akan menjadikan seseorang itu lebih disukai oleh majikan dan rakan sekerja serta mampu menjamin kecemerlangan sesuatu organisasi.

Ketiga-tiga kemahiran sosial ini amat penting untuk memastikan seseorang itu berjaya dalam kerjaya. Hampir setiap majikan mencari pekerja yang mempunyai kemahiran ini bagi ditempatkan dalam organisasi mereka.